



HEXTAR HEALTHCARE BERHAD
(dahulu dikenali sebagai Rubberex Corporation (M) Berhad)
199601000297 (372642-U)

DASAR SIFAR YURAN PENGAMBILAN

1. Hextar Healthcare Berhad (dahulunya dikenali sebagai Rubberex Corporation (M) Berhad) ("Hexcare" atau "Group") dan syarikit subsidiarinya komited untuk memastikan bahawa tenaga kerjanya, tempatan dan asing, tidak dikenakan sebarang yuran atau kos yang berkaitan dengan pekerjaan mereka dalam Hexcare;
2. Dasar ini mendokumenkan pendirian Kumpulan kami untuk menerapkan amalan pekerjaan yang bertanggungjawab termasuk tidak mengenakan yuran berkaitan pengambilan pekerja di mana-mana peringkat proses pengambilan pekerja, sama ada oleh Hexcare, ejen kami dan/atau sub-ejen mereka di negara penghantar serta di Malaysia;
3. Dasar ini hendaklah dibaca bersama dengan perspektif Kumpulan mengenai Amalan Buruh Paksa yang didokumentasikan oleh Jabatan Sumber Manusia dan disahkan oleh Pengurusan Hexcare;
4. Hexcare tidak akan mengenakan bayaran kepada pekerjaannya, terutamanya pekerja asingnya, secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, apa-apa kos yang berkaitan dengan pekerjaan mereka di Hexcare seperti pemprosesan dokumen rasmi dan/atau visa kerja, pengangkutan, penginapan, perubatan dan/atau cukai. Kami tetap berpandukan kepada "Definisi Yuran" dalam tatakelakuan Responsible Business Alliance, klausa A, perkara (1) iaitu Pekerjaan yang Dipilih Secara Bebas, yang berkuat kuasa pada 01 Januari 2021 (pautannya ialah: <https://www.responsiblebusiness.org/media/docs/RBADefinitionofFeesJan2021.pdf>);
5. Sekiranya yuran dan/atau kos tersebut didapati dikenakan kepada pekerja asing, Hexcare akan membayar balik kepada pekerja itu dalam tempoh enam puluh (60) hari, tertakluk kepada kepuasan setelah semakan dibuat bahawa yuran dan/atau kos tersebut telah ditanggung oleh pekerja asing;
6. Hexcare telah terlibat secara aktif dengan pekerja asing sedia ada melalui temuduga untuk memastikan bahawa mereka tidak dikenakan sebarang yuran pengambilan pekerja. Pembayaran balik kos dan/atau tindakan pemulihan telah dijalankan sejak

2020 dan kami akan terus melibatkan pekerja asing sebagai sebahagian daripada komitmen Kumpulan terhadap amalan pematuhan buruh dan sosial yang baik;

7. Dalam menegakkan Dasar Sifar Yuran Pengambilan ini, Hexcare telah dan sedang melanjutkan tindakan pembayaran balik dan/atau pemulihan kepada bekas pekerja asing yang telah meletak jawatan atau meninggalkan Hexcare sebelum Dasar ini dilaksanakan; ini bagi memastikan layanan menyeluruh dan adil kepada semua pekerja asing sama ada yang sedang dalam perkhidmatan atau sebelumnya di bawah penggajian Hexcare.

August 2023(Dikemaskini)